



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH  
URUS SETIA PENGAMBILAN  
DI KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)**


**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PEGAWAI KEWANGAN KANAN (B.3)  
JABATANARAH KEWANGAN DAN PEROLEHAN  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (E) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (F) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEGAWAI KEWANGAN KANAN  
JABATANARAH KEWANGAN DAN PEROLEHAN  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Mempunyai kelulusan *Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW)* / *Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)* atau kelulusan profesional badan perakaunan yang diiktiraf.

**ATAU**

- b) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Accounting / Finance / Financial Management* / Kewangan / Pengurusan Kewangan / Perakaunan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Kewangan atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

2. **Bagi yang tidak mempunyai ijazah**, hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Kewangan atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

3. Lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam:

- i. Peperiksaan Jabatan (jika ada);
- ii. Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan; dan
- iii. Peraturan-Peraturan Kewangan.

4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Meneliti dan menyelaraskan penyediaan Rang Anggaran Permohonan Peruntukan *Emolumen* dan Perbelanjaan Berulang-ulang Kementerian Pertahanan serta Peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) bagi Tahun Kewangan (TK) baru dengan pihak pengguna dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi (KKWE);
2. Meneliti dan menyelaraskan permohonan peruntukan Perkhidmatan Rampaian di bawah KKWE;
3. Setiausaha bagi Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Kerja Pindah Peruntukan (JKKPP) dan memantau prestasi (*performance*) belanjawan Kementerian Pertahanan secara keseluruhan;
4. Memantau prestasi (*performance*) kutipan hasil dan mengambil tindakan yang bersesuaian bagi mengurangkan atau menyelesaikan hasil-hasil yang tertunggak;
5. Menyediakan rumusan laporan eksekutif dan memantau penyediaan laporan bulanan, suku tahunan dan tahunan (*annual report*) yang berkaitan dengan hal ehwal belanjawan dan hasil;
6. Membantu Ketua Bahagian untuk meneliti dan mengemaskini proses yang sedia ada dan seterusnya menerokai mekanisme baru yang boleh digunakan untuk menambah baik pengurusan belanjawan serta mempertingkatkan kutipan hasil Kementerian Pertahanan;
7. Mencadangkan dan mengendalikan projek-projek peningkatan atau reformasi pengurusan belanjawan ke arah urus tadbir kewangan yang baik dan berdaya tahan dari semasa ke semasa;
8. Memantau mutu kawalan kerja, disiplin dan kesejahteraan pegawai dan kakitangan Seksyen Belanjawan dan Hasil; dan
9. Melaksanakan apa jua arahan dan pembahagian kerja yang diberikan dari semasa ke semasa oleh pegawai atasan.